



5 Oktober 2017
5 October 2017
P.U. (A) 302

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (FI) (PINDAAN) 2017

INSOLVENCY (FEES) (AMENDMENT) RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (FI) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 124 Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Fi) (Pindaan) 2017**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Insolvensi (Fi) 1969 [*P.U. (A) 201/1969*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “bayaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “fi”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “Pegawai Pemegang Harta” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah Insolvensi”.

Pindaan kaedah 1

3. Kaedah 1 kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perenggan (b).

Penggantian Jadual

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL
SUSUNAN A

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Akuan oleh penghutang tentang ketidakupayaan membayar hutangnya	10
2.	Notis kebangkrapan	40
3.	Petisyen kebangkrapan oleh—	
	<i>(a)</i> seorang penghutang	20
	<i>(b)</i> seorang pemiutang	150
4.	Perintah kebangkrapan	40
5.	Pemfailan pernyataan hal ehwal	10
6.	Perintah bagi pentadbiran ringkas di bawah seksyen 106	10
7.	Perintah bagi pelanjutan masa bagi mengadakan mesyuarat pertama pemiutang	10
8.	Permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi suatu perintah menetapkan suatu persidangan bagi pemeriksaan awam bankrap	4
9.	Perintah menetapkan suatu persidangan bagi pemeriksaan awam	10
10.	Pendengaran pemeriksaan awam dalam suatu kes ringkas atau apa-apa kes lain	10
11.	Nota pemeriksaan awam—	
	<i>(a)</i> setiap satu folio yang mengandungi 100 perkataan atau sebahagian daripadanya	4
	<i>(b)</i> perakuan	8
12.	Memorandum penangguhan	4
13.	Perintah bahawa pemeriksaan awam telah ditutup	10

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi (RM)</i>
14.	<p>(a) Bagi tiap-tiap perintah melantik Ketua Pengarah Insolvensi sebagai penerima interim kepada harta seseorang penghutang di bawah seksyen 10 sebagai tambahan kepada peratusan yang boleh dikenakan atas penghasilan</p> <p>(b) Jika suatu perintah berkuat kuasa pada suatu tempoh yang lama daripada empat belas hari, bagi setiap tujuh hari atau pecahannya, selepas empat belas hari yang pertama</p>	<p>60</p> <p>24</p>
15.	Permohonan bagi meluluskan suatu penyelesaian atau skim perkiraan	20
16.	<p>Perintah meluluskan suatu penyelesaian</p> <p>Nota: bagi mengira fi ini, amaun kasar bermaksud jumlah yang akan diperuntukkan di bawah terma penyelesaian kepada pemiutang biasa dan pemiutang keutamaan, dan untuk kos, caj dan perbelanjaan, dan peratusan selain daripada fi ini</p>	1% atas amaun kasar persetujuan penyelesaian dengan sekurang-kurangnya RM10.00
17.	Perintah meluluskan suatu skim perkiraan	1% atas amaun kasar daripada anggaran aset (tetapi tidak melebihi amaun kasar liabiliti yang tidak bercagar)
18.	Permohonan bagi pembatalan perintah kebangkrapan atas alasan bahawa hutang telah dibayar sepenuhnya	40
19.	Perintah membatalkan perintah kebangkrapan	40
20.	Bagi pemfailan suatu laporan Ketua Pengarah Insolvensi	10
21.	Permohonan bagi pelepasan	20
22.	Permohonan bagi suatu perintah menghalang Ketua Pengarah Insolvensi daripada mengeluarkan perakuan pelepasan di bawah seksyen 33A	20
23.	Permohonan bagi suatu perintah untuk menangguhkan pelepasan di bawah seksyen 33C	20
24.	Perintah pelepasan	10
25.	Permohonan untuk arahan	10

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi (RM)</i>
26.	Petisyen di bawah seksyen 122	150
27.	Afidavit	4
28.	Fi perkhidmatan	2
29.	Setiap ekshibit	1.40
30.	Fi penyampaian bagi setiap orang sekiranya disampaikan oleh mahkamah	2
31.	Bagi pemeteraian apa-apa perintah lain selain daripada perintah untuk penangguhan apa-apa prosiding Nota: Fi ini tidak kena dibayar ke atas suatu perintah yang dibuat atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi	10
32.	Waran tangkap	4
33.	Senarai tetap penghutang	10
34.	Permohonan untuk pelepasan di bawah seksyen 82	10
35.	Setiap bon dengan atau tanpa penjamin	10
36.	Bagi pengeluaran suatu sepina atau saman	8
37.	Setiap permohonan untuk carian selain pempetisyen atau Ketua Pengarah Insolvensi	10
38.	Setiap salinan pejabat, setiap folio yang mengandungi 100 perkataan atau sebahagiannya	4
39.	Bagi setiap rekod perbicaraan	RM10.00 atau suatu amaun yang kurang sebagaimana mahkamah boleh arahkan
40.	Bagi setiap alokatur oleh mana-mana pegawai mahkamah bagi apa-apa kos, caj atau perbelanjaan yang dilakukan	4% daripada kos atau pada kadar tertentu sebagaimana yang Ketua Hakim Negara boleh dari semasa ke semasa menentukan